

17/09/2002

Cawangan Unitem lambat hantar modul

Pelajar Hilang Panduan

TAHNIAH saya ucapkan di atas perasmian Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 26 Ogos lalu.

Semoga Unitem akan berdiri teguh sebagai universiti swasta bermutu yang diiktiraf dunia.

Saya adalah pelajar yang ditawarkan belajar sambil bekerja di Unitem. Apa yang saya perhatikan Unitem mempunyai sistem pembelajaran bermutu. Saya berharap dapat meneruskan pengajian sehingga tamat.

Namun begitu apa yang saya kurang berpuas hati ialah pengurusan Unitem pada peringkat cawangan atau dinamakan Pusat Pembelajaran yang berselerak di pelusuk negara.

Semester kedua berlangsung sebulan tetapi modul pembelajaran yang sepatutnya saya terima ketika pendaftaran masih belum diterima sampai sekarang.

Bayangkanlah kalau setiap kali sesi tutorial, saya tidak mempunyai modul untuk rujukan dan pembelajaran. Sedangkan kebanyakan soalan kuiz dan tugas yang diberikan perlu dirujuk daripada modul itu.

Saya harap pihak pengurusan Unitem memberi perhatian sewajarnya di atas masalah itu kerana pengurusan yang baik mencerminkan sistem pembelajaran teratur.

PELAJAR HILANG PANDUAN,
Pahang.